

## Kehidupan dalam Kerjaya

Setiap pagi pada setiap hari kita akan bangun seawal pagi dan seterusnya akan bersesak di jalan raya untuk ke pejabat dan apabila setibanya di pejabat, kerja dimulakan seperti biasa. Kita akan melakukan rutin yang sama pada setiap hari dan tanpa kita sedar ia sebenarnya tidak menggambarkan siapa diri kita yang sebenarnya. Sampai satu tahap akan terlintas di fikiran hendak berhenti kerja. Terdapat beberapa cara yang boleh dilakukan untuk menjadi diri sendiri dan pada masa yang sama melakukan aktiviti rutin harian di pejabat.

Cuba imbas kembali sewaktu kita membesar dari kecil hingga dewasa apakah minat dan cita-cita kita sewaktu itu. Sekiranya pekerjaan yang dilakukan sekarang adalah perkara yang diimpikan sejak kecil lagi maka kita bertuah kerana memiliki kehidupan yang diimpikan. Namun jika sebaliknya inilah masa terbaik untuk mengenal kembali diri kita yang sebenar. Bagaimana zaman remaja ketika di universiti diluahkan bersama rakan sekelas? Sama ada kita seorang yang aktif bersukan, atau seorang yang sukakan aktiviti sosial iaitu bertemu ramai orang? Adakah kerjaya sekarang menghalang serta membuatkan kita melupakan semua keseronakkan dan kemanisan tersebut? Tetapi yang pasti kita tidak akan kembali ke masa lampau tersebut namun minat yang ada itu jangan terus terkubur begitu sahaja. Kita perlulah mencari ruang dan peluang untuk meluahkan masa bagi meneruskan minat tersebut.

Kita dapat melihat bahawa Kate Mully pernah menulis "*Keep focus on what you want to achieve, rather than what you job is*" dan hujah Mully diteruskan. Jika kita gembira dengan kerja yang dilakukan sekarang, berhenti seketika dan berfikir sejenak adakah kita mahu menghadapi kehidupan yang sama untuk 10 tahun akan datang? Kaitkan kembali dengan kehidupan sosial kita, keluarga dan rakan-rakan Adakah mereka juga gembira dengan apa yang kita lakukan sekarang? Ini kerana mereka juga adalah sebahagian daripada kehidupan seharian kita.

Disebabkan rutin seharian yang dilalui di pejabat kadang kala berlarutan ke luar pejabat sehingga membawa pulang ke rumah, maka ianya haruslah diubah dengan mengisi masa dengan sesuatu diminati. Sehubungan itu, fokus haruslah diubah daripada kerja kepada kehidupan sosial harian agar kita tidak terasa terbeban seandainya masih melakukan pekerjaan yang sama selepas 10 tahun. Justeru itu, harus diingat bahawa kejayaan seseorang individu dalam kerjaya tidak menentukan kejayaan individu itu dalam kehidupannya.